

12 JUL 1999

KASET BUNUH PEMIMPIN: POLIS BELUM TERIMA LAPORAN

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Polis belum menerima sebarang laporan rasmi mengenai kaset terbaru yang mengeluarkan arahan membunuh pemimpin, kata Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai.

Katanya, beliau telah mengarahkan pegawai-pegawainya supaya menemui Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed secepat mungkin supaya membuat laporan polis bagi membolehkan siasatan terhadap kaset itu dibuat.

"Kami akan buat siasatan terhadap kandungan kaset itu untuk memastikan seperti apa yang dikatakan dalam sehari dua ini," kata Norian kepada pemberita selepas merasmikan taklimat tertutup selama tiga hari untuk pegawai-pegawai kanan polis mengenai persiapan pilihan raya di Maktab Pegawai Kanan polis di Cheras di sini.

Semalam, Mustapa mendedahkan namanya turut disebut antara pemimpin yang diarah dibunuh dalam kaset terbaru yang dikesan diedarkan oleh pihak-pihak tertentu kepada guru dan sekolah-sekolah.

Pengerusi Memerangi Fitnah dan Panel Peguam UMNO, Datuk Ibrahim Ali juga mendedahkan satu lagi kaset didakwa mengandungi arahan membunuh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mencaci peribadi Sultan Kelantan.

Norian juga berkata polis masih belum memiliki sebarang kaset-kaset itu.

-- BERNAMA

YBK RHM